

# Buletin LENSA MUALLIM



Bil. 1/2018  
EDARAN PERCUMA



# Festival Rawza '18

18 Mac 2018

YAB DATO' SERI DIRAJA  
MOHD NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK  
MERASMIKAN KLUSTER AUTOMOTIF NASIONAL

MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG  
2017

EKSPEDISI  
GUNUNG LIANG  
ANJURAN MDTM

# LENSA MUALLIM

## ISI KANDUNGAN

- 1 MAJLIS PERPISAHAN SETIAUSAHA MDTM.
- 2 LAWATAN MB PERAK KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.  
PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.01/2018.
- 3 MAJLIS PELANCARAN KLUSTER AUTOMOTIF NASIONAL @  
PROTON CITY.
- 4 EKSPEDISI GUNUNG LIANG ANJURAN MDTM.
- 5 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017.
- 6 MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SMART BIKE SHARING.  
PROGRAM PERTUKARAN BELIA INDIA PERAK.
- 7 MESYUARAT BERSAMA CHIEF EXECUTIVE OFFICER PROTON.  
LAWATAN KERJA DAN KUNJUNGAN HORMAT SETIAUSAHA NEGARA (KSN).
- 8 FESTIVAL RAWA PERINGKAT DAERAH MUALLIM TAHUN 2018.
- 10 KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BAGI KAKITANGAN MDTM.  
LE TOUR DE LANGKAWI 2018.
- 11 MAJLIS PENGENALAN & SIDANG AKHBAR PRKT.  
KURSUS PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN.
- 13 LAWATAN PENANDARASAN PEMBANGUNAN SISTEM GIS.  
LAWATAN PENANDARASAN KELESTARIAN BANDAR BEHRANG 2020.
- 14 PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TG. MALIM BIL.2/2018.  
SESI PERBINCANGAN MDTM BERSAMA PERBADANAN KEMAJUAN  
NEGERI PERAK (PKNP).
- 15 PROGRAM TURUN PADANG YANG DIPERTUA KE PASAR AWAM.  
PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.3/2018.
- 16 MAJLIS BACAAN YASSIN DAN IHYA RAMADAN 2018.  
PROGRAM PELANCARAN KEMPEN PENGURANGAN SISA MAKANAN.
- 17 LAWATAN DELEGASI CHINA KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM.  
KURSUS UNDERSTANDING AND IMPLEMENTATION ISO 45001 : 2018.

Perutusan

*Yang Dipertua*

ASSALAMUALAIKUM W.B.T. DAN SALAM SEJAHTERA

ALHAMDULILLAH, DENGAN LIMPAH DAN KURNIANYA ALLAH SWT KITA MASIH MAMPU MENJALANKAN TANGGUNGJAWAB KITA UNTUK KEPENTINGAN MASYARAKAT PADA TAHUN INI. SAYA SELAKU YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN UNTUK MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SIDANG REDAKSI BULETIN 'LENSA MUALLIM' MDTM KERANA MEMBERI PELUANG KEPADA SAYA UNTUK MENYAMPAIKAN SEDIKIT KATA-KATA ALUAN SEMPENA BULETIN MDTM EDISI 1/2018.

SESUNGGUHNYA, PENERBITAN BULETIN MDTM ADALAH SATU MEDIUM PERANTARAAN UNTUK MENYAMPAIKAN SUMBER INFORMASI BERBENTUK PENGETAHUAN DAN SEBARAN TERHADAP AKTIVITI AKTIVITI YANG DILAKSANAKAN OLEH MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM (MDTM) SEPANJANG TAHUN MENERUSINYA, AKAN MENDEKATKAN MASYARAKAT DAN ORGANISASI KERAJAAN SELARAS USAHA UNTUK KEBAHAK DAN FAEDAH BERSAMA BAGI MENCAPAI KESEJAHTERAAN, KEMAJUAN DAN KEMAKMURAN SETEMPEK.

SEHUBUNGAN ITU, SAYA MENYERU DAN MENARUH HARAPAN AGAR PENERBITAN INI SEBAGAI SATU WADAH 'PENYAMPAIAN MAKLUMAT' EFEKTIF DALAM MENTERJEMAHKAN SEGALA INFORMASI, TINDAKAN DAN PROGRAM YANG DIJAJAKAN OLEH MDTM SEBAGAI RESPONSIVE MEMARTABATKAN MDTM YANG MESRA, PRIHATIN DAN EPISYEN KEPADA MASYARAKAT.

AKHIRNYA, SEKALING PENGHARGAAN DAN UCAPAN SYABAS ATAS SEGALA KOMITMEN, DEDIKASI DAN DAYA USAHA BERSUNGGUHI YANG DITUNJUKKAN OLEH JAWATANKUASA YANG TERLIBAT DALAM MENERBITKAN BULETIN MDTM INI KEPRIHATINAN DAN KEPERKASAAN MERUPAKAN TUNJANG UNTUK MEMASTIKAN MAKLUMAT ORGANISASI DISEBAR LUASKAN KEPADA PENGETAHUAN MASYARAKAT KESELURUHANNYA.

TERIMA KASIH DAN TAHNIAH.

FAIZAL NIZAM BIN MD NOR  
YANG DIPERTUA,  
MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

## Direktori

FAIZAL NIZAM BIN MD NOR, YANG DIPERTUA - 05-4563400

IR ABD RAHMAN BIN GHAZALI (JABATAN KEJURUTERAAN) - 05-4563433

ZUHAIRI BIN HASHIM (JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN) - 05-4563411

NOOR ZATUL 'IFFAH BINTI IBRAHIM, C.A.(M) (JABATAN PERBENDAHARAAN) - 05-4563422

NOR SHAHILA BINTI MOHYIDIN (UNIT PUSAT SEHENTI) - 05-4563416

SITI AIDA BINTI RASIDI (JABATAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN DAN KESIHATAN) - 05-4563445

SHARUDDIN BIN JAAFAR (UNIT UNDANG-UNDANG) - 05-4563443

ROHANA BINTI MAT NAYAN (JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA) - 05-4563427

AHMAD ZAMIL BIN SABRI (BAHAGIAN PENGUATKUASAAN) - 05-4563439

SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN (BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT) - 05-4563437

MUHD SAIFULBAHARI BIN HASSAN (BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN) - 05-4563453

NORHIDAYAH BINTI JAMALUDIN (UNIT AUDIT DALAM) - 05-4563455

## SIDANG REDAKSI

### PENAUNG

TUAN FAIZAL NIZAM BIN MD NOR  
YANG DIPERTUA, MDTM

### EDITOR

ENCIK SHAHZAN HAFIZ BIN ZAINAL ABIDIN

### PENYUMBANG BAHAN/JURUGAMBAR

ENCIK MOHAMAD SYUKURI BIN HAMID  
ENCIK PARTHIVAN A/L VEERANAN

### PENGARANG/PEREKA GRAFIK

ENCIK PARTHIVAN A/L VEERANAN  
CIK FATIN NADZIRAH BINTI ABD BARRI  
CIK NUR AFIQAH BINTI AHMAD

### PENCETAKAN/EDARAN

BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

### TERBITAN

MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM



### MAJLIS PERPISAHAN PUAN SITI AZURA BT HAJI JUKI A.M.P, SETIAUSAHA MDTM

15 Januari 2018 - Majlis Daerah Tanjong Malim telah mengadakan majlis perpisahan Puan Siti Azura, Setiausaha MDTM bertempat di Auditorium MDTM. Kakitangan MDTM, Ahli Majlis serta beberapa tetamu jemputan juga telah turut hadir ke majlis tersebut. Puan Siti Azura telah mula berkhidmat pada 1 November 2011 hingga 12 Januari 2018 di Majlis Daerah Tanjong Malim. Yang Dipertua MDTM, Tuan Mohd Syukri bin Azaari mewakili MDTM, mengucapkan ribuan terima kasih atas perkhidmatan dan sumbangan beliau dalam pembangunan daerah Muallim serta mengamalkan urus tadbir yang efektif dan berintegriti yang berterusan. Seterusnya, Puan Siti Azura mengucapkan terima kasih kepada kakitangan MDTM kerana telah memberi kerjasama sepanjang perkhidmatan beliau di MDTM dan meminta semua kakitangan MDTM untuk terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang. Majlis ini diakhiri dengan penyampaian cenderahati kepada Puan Siti Azura daripada kesemua jabatan/bahagian MDTM.



## LAWATAN MENTERI BESAR PERAK KE MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM

17 Januari 2018 - YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri DiRaja Dr Zambry Bin Abd Kadir telah mengadakan lawatan kerja ke Majlis Daerah Tanjong Malim. Lawatan kerja ini turut disertai oleh YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib, YB Dato' Hajah Rusnah Binti Kassim, Ahli Majlis, Yang Dipertua MDTM, Setiausaha MDTM dan Ketua Jabatan/Bahagian MDTM. Lawatan ini juga dapat memberi ruangan bagi membincangkan pelbagai perkara bertujuan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan kepada masyarakat.



## PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.01/2018

26 Januari 2018 - Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil.01/2018 telah diadakan di Auditorium MDTM. Setiausaha MDTM baru, Tuan Helmi Bin Yusof @ Jusoh telah mengenalkan diri beliau kepada semua kakitangan MDTM serta mohon kerjasama dalam melancarkan pengurusan MDTM.



# MAJLIS PELANCARAN KLUSTER AUTOMOTIF NASIONAL @ PROTON CITY

3 Februari 2018 - Majlis pelancaran Kluster Automotif Nasional telah diadakan di Proton City, daerah Muallim. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Diraja Mohd Najib bin Tun Abdul Razak diiringi isteri Datin Seri Rosmah Mansor. Beliau juga dapat meluangkan masa untuk bersarapan bersama penduduk setempat di Medan Selera Tanjong Malim sebelum ke majlis pelancaran tersebut.



# EKSPEDISI GUNUNG LIANG ANJURAN MDTM

**E**kspedisi Gunung Liang selama tiga hari dua malam (23 Februari - 25 Februari 2018) telah berjaya dianjurkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim. Ekspedisi ini turut disertai oleh anggota agensi-agensi lain dari sekitar daerah Muallim seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Bomba Dan Penyelamat, Angkatan Pertahanan Awam (APM), Jabatan Hutan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan juga wakil media. Pelepasan dilakukan oleh YB Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib dan penutup oleh YB Dato' Hajah Rusnah Binti Kassim.



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2017

2 Mac 2018 - Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2017 peringkat MDTM yang gilang-gemilang telah berlangsung di TR Tom Yam, Slim River dan dirasmikan oleh YB. Dato' Hajah Rusnah binti Kassim, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Keluarga dan Kebajikan Masyarakat, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Majlis tersebut turut dihadiri oleh Yang Dipertua, Setiausaha, Ahli Majlis, Ketua Jabatan serta kakitangan Majlis Daerah Tanjong Malim. Seramai 18 orang kakitangan MDTM telah menerima Sijil Perkhidmatan Cemerlang dan hadiah prestasi sebanyak RM 1000.00 serta 18 orang lagi telah menerima Anugerah Ketrampilan berserta wang tunai sebanyak RM300.00 dan bagi tahun 2017, Anugerah Khas Yang Dipertua sebanyak RM 500.00 telah diterima oleh En. Shahzan Hafiz Bin Zainal Abidin. Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah. Diharapkan kakitangan MDTM akan terus komited dan meningkatkan lagi prestasi kerja demi menaikkan imej dan kredibiliti MDTM.



# MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN SMART BIKE SHARING SYSTEM & SERVIS DIANTARA MDTM DENGAN CYCLEDIOUS PERAK SDN BHD

8 Mac 2018 ■ 11.00 Pagi ■ Auditorium



# PROGRAM PERTUKARAN BELIA INDIA - PERAK

12 Mac 2018 ■ 8.00 Pagi ■ Auditorium, MDTM





## MESYUARAT BERSAMA CHIEF EXECUTIVE OFFICER PROTON

Tarikh : 14 Mac 2018 (Rabu)

Masa : 2.00 Petang

Tempat : Bilik Mesyuarat Sri Malim, MDTM



## LAWATAN KERJA DAN KUNJUNGAN HORMAT SETIAUSAHA NEGARA (KSN)

**16 MAC 2018** - YBhg Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Bin Hamsa telah mengadakan lawatan kerja dan kunjungan hormat ke Tanjong Malim. Program ini bermula dengan lawatan ke Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), turut disertai Encik Helmi bin Yusof@Jusoh, Setiausaha MDTM, kakitangan MDTM dan penjawat awam di negeri Perak. Beliau memberi ucapan dan penerangan mengenai pencapaian negara dalam bidang ekonomi pada majlis di UPSI tersebut. Lawatan tersebut diteruskan ke beberapa tempat dan beliau juga dapat meluangkan masa dengan penduduk setempat.



# Festival Rawa '18



18 Mac 2018 - Majlis Daerah Tanjong Malim telah menganjurkan program "Festival Rawa Daerah Muallim Tahun 2018" bertempat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim dengan bertemakan pakaian busana melayu tradisional. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Y.B. Dato' Mohd Khusairi bin Abdul Talib, Ahli Dewan Undangan Slim. Penganjuran program ini adalah bertujuan memperkenalkan dan mempromosikan adat serta budaya warisan melayu etnik Rawa kepada pelancong/pengunjung dari dalam dan luar negara. Ia juga dapat mempamerkan keunikan dan keistimewaan tradisi warisan melayu etnik Rawa dari segi adat, dialek, pakaian, makanan dan lain-lain. Selain itu, melalui program ini, ianya dapat mengumpul dan merapatkan silaturahim komuniti Rawa di seluruh Malaysia khususnya kepada golongan belia sebagai penyambung warisan dan juga dapat menggalak serta mempromosikan pelancongan berasaskan sejarah dan warisan yang terdapat di Tanjong Malim dan seterusnya menyokong usaha kerajaan negeri dalam mempromosikan produk pelancongan di Negeri Perak.





## Aktiviti - Aktiviti Menarik Festival Rawa Daerah Muallim 2018

### PERTANDINGAN

- Batu Seremban
- Sepak Raga Bulatan
- Tarik Tali
- Futsal Kampung
- Mewarna

### PAMERAN

- Pameran Persatuan Jalinan Anak Rao (RAWA) Malaysia (JARO)
- Lukisan Batik

### JUALAN

- Pelbagai jenis makanan & minuman
- Pakaian
- Hasil Kraf Tangan



# KURSUS PENGUKUHAN PASUKAN BAGI KAKITANGAN MDTM 2018

19 Hingga 22 Mac 2018 | (INTURA) Sungai Petani



# LE TOUR DE LANGKAWI 2018

23 Mac 2018 | 5.00 Petang | Balai Lintang, Tanjung Malim



## MAJLIS PENGENALAN & SIDANG AKHBAR PRKT

Majlis pengenalan serta sidang akhbar skim Perak Rumahku Tercinta (PRKT) yang dilancarkan oleh kerajaan Negeri Perak telah diadakan di MDTM dan majlis dirasmikan oleh YB. Dato' Hajah Rusnah Binti Kassim. Objektif utama skim PRKT adalah untuk memperbanyakkan lagi penyediaan rumah mampu milik kepada warga negeri Perak Darul Ridzuan agar setiap individu atau keluarga boleh memiliki rumah yang berkualiti pada harga yang berpatutan.

- 2 April 2018
- 10.00 Pagi
- Auditorium, MDTM



## KURSUS PENGURUSAN PERHUBUNGAN PELANGGAN

- 4 & 5 April 2018
- 8.00 Pagi - 5.00 Petang
- Auditorium, MDTM

Majlis Daerah Tanjong Malim telah mengadakan kursus pengurusan perhubungan pelanggan kepada kakitangan MDTM bagi meningkatkan keberkesanan perkhidmatan. Kursus ini dapat memberi pelbagai panduan dalam meningkatkan jalinan hubungan antara organisasi dengan pelanggan.



## LAWATAN PENANDARASAN BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI ( GIS )

17 April 2018 • 10.30 Pagi • Majlis Daerah Tanjong Malim

Majlis Daerah Tanjong Malim telah menerima lawatan penendarasan dari Majlis Perbandaran Manjung pada 17 April 2018. Lawatan penendarasan ini bertujuan untuk pembangunan Sistem Maklumat Geografi (GIS) yang sedang digunakan oleh MDTM. Lawatan ini dapat mengeratkan lagi hubungan antara dua pihak dan diberi peluang untuk berkongsi cadangan serta pengetahuan.



## LAWATAN PENANDARASAN KELESTARIAN BANDAR BEHRANG 2020

7 April 2018 • 9.30 Pagi • Majlis Daerah Tanjong Malim

Lawatan penendarasan kelestarian Bandar Behrang 2020 telah diadakan oleh Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Taiping. Lawatan ini bertujuan untuk mengetahui pengurusan Majlis Daerah Tanjong Malim dalam pelaksanaan Kejiranan Hijau di Bandar Behrang 2020.



# PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.2/2018

20 April 2018 - Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim Bil.02/2018 telah diadakan di Auditorium MDTM. Tujuan utama perhimpunan diadakan adalah untuk berkenalan dengan Yang Dipertua baru, Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor serta menyampaikan amanat dan nasihat kepada kakitangan. Selain itu, majlis menandatangani Ikrar Aku Janji EKSA juga telah diadakan pada perhimpunan ini. Dalam ucapan YDP MDTM, mohon kerjasama semua kakitangan untuk bersama-sama berganding bahu dalam memberi perkhidmatan yang terbaik kepada penduduk di sekitar daerah Muallim.



## SESI PERBINCANGAN MDTM BERSAMA PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

TARIKH : 20 April 2018 (Jumaat)  
TEMPAT : Bilik Mesyuarat Sri Malim, MDTM

Majlis Daerah Tanjong Malim telah mengadakan sesi perbincangan bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (PKNP). Sesi ini bertujuan bagi membincangkan perkembangan dan cadangan untuk kemajuan daerah Muallim. Yang Dipertua, Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor bersama Setiausaha serta beberapa kakitangan MDTM telah turut serta bersama untuk membincangkan perkembangan daerah Muallim.



# Pengiklanan Digital

## "Led Digital"

## "e-Bunting"

## "Lightbox"



## Untuk disewa

- pengiklanan produk/syarikat anda
- menarik perhatian orang ramai
- bertempat di simpang empat utama (Jalan UPSI)



**UNTUK TUJUAN PENGIKLANAN  
SILA HUBUNGI TALIAN BERIKUT :  
05-4563438**



# PROGRAM TURUN PADANG YDP MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM KE PASAR AWAM TANJONG MALIM

**02 Mei 2018** - Program turun padang Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM), Tuan Faizal Nizam bersama kakitangan MDTM daripada Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Perbandaran & Kesihatan dan Bahagian Penguatkuasaan ke Pasar Awam Tanjong Malim. Tujuan lawatan adalah bagi mendekati para peniaga dan membuat pemantauan serta mendengar cadangan orang awam serta penyewa. YDP juga berkesempatan melawat Medan Selera Muallim & Parking Bertingkat yang bakal dibuka untuk memberi manfaat kepada warga Tanjong Malim.



## PERHIMPUNAN BULANAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM BIL.3 / 2018

**18 Mei 2018** - Perhimpunan Bulanan Majlis Daerah Tanjong Malim (MDTM) Bil.03/2018 telah diadakan di Auditorium MDTM bermula 2.45 petang. Kehadiran Tuan Yang Dipertua Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor bersama - sama Setiausaha, Ketua Jabatan dan kakitangan. Tujuan majlis diadakan adalah untuk menyampaikan amanat serta mengadakan majlis perpisahan dan menyampaikan hadiah kenang-kenangan kepada Setiausaha MDTM, Encik Helmi bin Yusof@Jusoh yang akan berpindah ke Majlis Daerah Kerian dengan menjawat jawatan sebagai Yang Dipertua. Tayangan montaj perpisahan juga di persembahkan dengan menyiarkan gambar-gambar Setiausaha sepanjang berkhidmat di MDTM.



# MAJLIS BACAAN YASIN DAN IHYA RAMADAN 2018

21 Mei 2018 | 8.30 Pagi | Auditorium, MDTM

Majlis Bacaan Yasin dan Ihya Ramadan telah dianjurkan oleh Majlis Daerah Tanjong Malim. Ustaz Wan Syahman Bin Wan Yunus telah dijemput bagi menyampaikan ceramah bertajuk "Andai Ini Ramadan Terakhir". Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran kakitangan MDTM.



## PROGRAM PELANCARAN KEMPEN PENGURANGAN SISA MAKANAN

23 Mei 2018 | Tapak Bazar Ramadan Behrang 2020

Yang Dipertua Majlis Daerah Tanjong Malim, En.Faizal Nizam Bin Md Nor telah merasmikan kempen "Pengurangan Sisa Makanan" di tapak bazar Ramadan Behrang 2020. Kempen ini bertujuan bagi memberi kesedaran di kalangan masyarakat akan pembaziran makanan dan kaedah untuk mengatasinya.



## LAWATAN DELEGASI CHINA

23 Mei 2018 | Bilik Mesyuarat Sri Malim, MDTM

Majlis Daerah Tanjong Malim telah menerima lawatan delegasi China sempena Program Pertukaran Usahawan di bawah kelolaan Commonwealth Youth Council (CYC). Program ini juga dapat memberi peluang untuk berkongsi pandangan dan cadangan dalam pelbagai perkara.



## KURSUS UNDERSTANDING AND IMPLEMENTATION ISO 45001 : 2018

23 Mei 2018 | Auditorium, MDTM

Kursus Understanding And Implementation ISO 45001:2018 (*Occupational Safety & Health Management System*) telah diadakan di Auditorium MDTM anjuran Majlis daerah Tanjong Malim. Turut hadir Yang Dipertua Tuan Faizal Nizam bin Md. Nor bersama-sama Ketua Jabatan dan kakitangan yang terlibat.





**Majlis Daerah Tanjong Malim**  
**Peti Surat 59**  
**35900 Tanjong Malim**

**Emel : [mdtmalim@mdtm.gov.my](mailto:mdtmalim@mdtm.gov.my)**  
**[aduan@mdtm.gov.my](mailto:aduan@mdtm.gov.my)**

**Laman Web : <http://www.mdtm.gov.my>**

**Tel : 05-4563410/20**  
**Faks : 05-4563430/40**

Majlis Daerah Tanjong Malim mengalu-alukan sebarang sumbangan berupa berita / rencana / laporan / pendapat atau ulasan untuk disiarkan. Sebarang penerbitan ula di dalam apa jua rekabentuk tidak dibenarkan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.